A

PP

lwn

MOHD FAZIL AWALUDIN (NO 2)

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MOHD ZAWAWI SALLEH PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: MT(3) 45-23-2007]
18 MEI 2009

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar dadah berbahaya - Pembelaan - Pembelaan melalui keterangan demonstratif - Sama ada suatu keterangan terbaik - Keterangan demonstratif menunjukkan dadah tidak mungkin dijumpai dalam keadaan seperti yang didakwa - Sama ada fatal -*
D *Sama ada gagal membuktikan kes di luar keraguan munasabah - Sama ada tertuduh harus dilepas dan dibebaskan*

KETERANGAN: *Keterangan demonstratif - Kebolehterimaan - Prinsip dan syarat - Mengedar dadah berbahaya - Dakwaan ketulan dadah*
E *diselit di bahagian hadapan seluar - Mengacu-pakai seluar yang dikemuka sebagai eksibit - Merekabentuk replika kotak berdasarkan ukuran ketulan dadah untuk diacu-selit di bahagian hadapan seluar - Sama ada teratur - Sama ada suatu keterangan terbaik - Akta Keterangan 1950, ss. 7, 9, 11*

F Tertuduh, seorang pekerja bengkel, dituduh dengan dua kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Di akhir kes pendakwaan, yang arif Pesuruhjaya Kehakiman telah memanggil pembelaan, antara lain atas keterangan pihak pendakwaan bahawa: (i) satu ketulan mampat ganja seberat
G 229.64 gram telah dijumpai terselit pada bahagian hadapan seluar jeans ('eks. P13') yang dipakai tertuduh (pertuduhan pertama); dan (ii) sebuah beg yang mengandungi ketulan-ketulan mampat ganja seberat 3693.29 gram telah juga ditemui di bawah tempat duduk motosikal yang ditunggang tertuduh (pertuduhan kedua).
H Tidak dinafikan bahawa motosikal didaftar atas nama rakan sekerja tertuduh, Norabidin, yang tidak dapat dikesan, dan bahawa ketika ditangkap tertuduh berada di hadapan sebuah rumah di Taman Megah Ria, Masai, Johor ('rumah tersebut').

I Dalam pembelaannya tertuduh berkata bahawa pada hari kejadian beliau diminta oleh Norabidin untuk ke rumah tersebut bagi membaiki paipnya yang rosak. Beliau tidak menafikan tentang penemuan ganja di bawah tempat duduk motosikal, namun

menafikan mempunyai apa-apa pengetahun mengenainya. Berhubung ketulan dadah yang dikatakan diselit pada bahagian hadapan eks. P13, tertuduh menafikan bahawa eks. P13 adalah seluar jeans yang dipakai beliau pada hari tersebut. Dihujahkan lagi bahawa ketulan ganja berkenaan sebenarnya dijumpai oleh polis di penjuru rumah tersebut, dan bukan sebagaimana yang didakwa. Apapun, mengenai pertuduhan pertama ini, bagi menunjukkan P13 bukan seluar jeans yang dipakai tertuduh pada hari kejadian, peguam terpelajar telah memohon dan mendapat izin mahkamah untuk membuat demonstrasi di hadapan mahkamah, iaitu dengan mengacu-pakai eks. P13 kepada tertuduh. Demonstrasi telah dibuat, ekoran mana yang arif Pesuruhjaya Kehakiman telah mencatat "OKT boleh memakai eks. P13 tetapi zip seluar itu tidak boleh dizipkan dan saiz pinggangnya tidak muat. Eksibit P13 adalah ketat di pinggang dan tidak boleh dibutangkan ...". Seterusnya, bagi menunjukkan ketulan ganja seberat 229.64 gram tersebut tidak mungkin boleh diselit pada bahagian hadapan eks. P13, peguam terpelajar sekali lagi memohon dan diberi izin, untuk membuat demonstrasi dengan menggunakan satu replika kotak yang direkabentuk berdasarkan ukuran ketulan dadah yang dinyatakan ahli kimia apabila memeriksa ketulan tersebut ('P43') – iaitu dengan cuba menyelitkan P43 ketika tertuduh memakai seluar jeans bersaiz 32 inci yang biasa dipakai olehnya. Akibat demonstrasi kedua ini, didapati bahawa D43 tidak muat untuk diselitkan di bahagian hadapan eks. P13 tersebut.

Di akhir kes pembelaan, antara persoalan penting yang berbangkit adalah sama ada suatu keraguan munasabah telah berjaya ditimbulkan oleh pembelaan, dan walau apapun, sama ada pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes diluar keraguan munasabah terhadap tertuduh yang sekaligus mewajarkan beliau dilepas dan dibebaskan.

Diputuskan (melepas dan membebaskan tertuduh):

(1) Budibicara untuk membenarkan permohonan bagi membuat sesuatu demonstrasi adalah terletak sepenuhnya kepada mahkamah bicara. Dalam menimbangkan permohonan sebegini, antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi adalah: (i) kerelevanan; (ii) materiality; dan (iii) kekompetenan. (perenggan 33)

(1a) "Kerelevanan" dalam konteks keterangan demonstratif bermakna keterangan hendaklah berkaitan dengan isu yang sedang dibicarakan seperti persoalan undang-undang, persoalan kebersalahan atau ketakbersalahan seseorang

A tertuduh berdasarkan fakta yang dikemukakan. "Materiality" bermakna bahawa keterangan demonstratif yang dikemukakan itu adalah bertujuan secara langsung untuk membuat ilustrasi, memudahkan mahkamah memahami keterangan atau fakta yang dibicarakan dan hendaklah tidak mendorong mahkamah B membuat inferen yang tidak terkawal. "Kekompetenan" pula bermakna ia hendaklah dilakukan oleh orang yang berkelayakan. Selain itu, keterangan demonstratif itu hendaklah menunjukkan dengan tepat apa yang hendak ditunjuk, di mana tiada perubahan, penukaran, pindaan atau C penambahan dibuat kepada apa yang terdapat pada asalnya. (ss. 7, 9 dan 11 Akta Keterangan 1950; *PP v. Rungit Singh Jaswant Singh; PP v. Haneef Basri Abdul Rahman; Dol Lasim v. PP; Keramat v. R; State v. Hunt; State of North Carolina v. Jushua Dwayne Fowler; State v. Murillo; State v. Arnold;* D *Karuma v. The Queen*). (perenggan 26-35)

(2) Dalam kes semasa, mahkamah membenarkan tertuduh membuat demonstrasi acu-pakai eks. P13 kerana ia relevan dengan isu yang dibicarakan, iaitu sama ada tertuduh E memiliki eksibit dadah berbahaya dengan menyelitnya di hadapan seluar jeans yang dipakainya. Ia bagi membolehkan tertuduh menafikan dakwaan saksi-saksi pendakwaan, terutama SP3, bahawa eksibit dadah itu tidak dijumpai dalam keadaan tersebut. Seluar yang diacu-pakai adalah seluar jeans F yang dikatakan dipakai oleh tertuduh pada hari kejadian dan oleh itu tidak melibatkan apa-apa penukaran atau ubahsuai. (perenggan 40)

(3) Replika kotak D43 yang dikemukakan pembelaan "fairly depicts the scale, dimensions and contour" ketulan-ketulan G dadah yang didakwa dijumpai terselit di bahagian hadapan seluar yang dipakai oleh tertuduh. Eksibit D43 dengan itu tidak menukar, mengubah atau memalsukan bentuk ketulan-ketulan dari segi bentuk dan ukurannya. Oleh itu ia secara H tepat mewakili benda yang sebenar. Oleh yang demikian, tidak ada sebab untuk mahkamah menolaknya demi keadilan. Tambahan, menjadi undang-undang mantap bahawa tertuduh bebas menentukan bagaimana ia hendak mengendalikan pembelaannya dan mengemukakan apa-apa keterangan, I termasuklah melalui demonstrasi, yang boleh menunjukkan bahawa versi yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan adalah tidak munasabah atau kredibiliti mereka wajar dipersoalkan. (perenggan 41 dan 42)

(4) Tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan berdasarkan kepada keterangan terbaik yang dikemukakannya, antaranya seperti berikut: (i) bagi pertuduhan pertama, saiz pinggang seluar tertuduh ialah 32. Demonstrasi yang dibuat tertuduh menunjukkan bahawa eks. D43 tidak boleh diselitkan walaupun saiz pinggang seluar yang dipakainya semasa membuat demonstrasi itu ialah 32 inci. Saiz pinggang bagi seluar jeans eks. P13 pula ialah 28 inci. Yang nyata, bagi membolehkan eks. D43 diselitkan, ia memerlukan kepada tambahan saiz 10 inci lagi. (perenggan 43, 44)

(5) Bagi pertuduhan kedua, tidak dapat dipertikaikan bahawa motosikal yang ditunggang tertuduh adalah milik Norabidin. Dalam sistem perbicaraan jenayah kita, tertuduh tidak boleh dipersalahkan sekiranya Norabidin tidak boleh dikesan oleh pihak pendakwaan. Dengan kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan Norabidin untuk memberi keterangan, atau sekurang-kurangnya mengemukakan pernyataan beliau di bawah s. 112 Kanun Prosedur Jenayah, inferen bahawa kemungkinan dadah tersebut disembunyikan oleh Norabidin di bawah tempat duduk motosikal tanpa pengetahuan tertuduh tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Kesan yang berbangkit dari kegagalan ini adalah, terdapat jurang dan/atau lompang dalam kes pendakwaan yang boleh menimbulkan keraguan munasabah. (perenggan 46, 47, 48 & 49)

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan Peon Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***
Dol Lasim v. PP & Another Case [1986] 2 CLJ 197; [1986] CLJ (Rep) 112 SC ***(dirujuk)***
Karuma v. The Queen [1955] 2 MLR 223 ***(dirujuk)***
Keramat v. R [1956] AC 256 ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Ong Ah Chuan v. PP [1980] 1 LNS 181 PC ***(dirujuk)***
Pang Chee Peng v. PP [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265 SC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP lwn. Mardani Hussin [2005] 7 CLJ 495 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Rungit Singh Jaswant Singh [1999] 3 CLJ 301 HC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Hamid [1968] 1 LNS 98 HC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***

A *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC* ***(dirujuk)***
PP v. Denish Madhavan [2009] 2 CLJ 209 FC ***(dirujuk)***
PP v. Hanif Basree Abdul Rahman [2007] 2 CLJ 33 CA ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Fazil Awaludin [2009] 2 CLJ 862 HC ***(dirujuk)***
PP v. Nordin Awang [2001] 1 LNS 288 HC ***(dirujuk)***
B *PP v. Ouseng Sama-Ae [2008]1 CLJ 337 CA* ***(dirujuk)***
PP v. Phon Nam [1989] 1 CLJ 7; [1989] 1 CLJ (Rep) 142 SC ***(dirujuk)***
R v. Bakar Mat [1951] 1 MLJ 202 ***(dirujuk)***
Ramis Muniandy v. PP [2001] 3 SLR 534 ***(dirujuk)***
Ramli Kechik v. PP [1986] 1 CLJ 308; [1986] CLJ (Rep) 243 SC ***(dirujuk)***
C *State of North Carolina v. Jushua Dwayne Fowler, No. C0A02-730* ***(dirujuk)***
State v. Arnold, 98 NC App 518 ***(dirujuk)***
State v. Hunt, 80 NC App 190 ***(dirujuk)***
State v. Murillo, 349 NC 573 ***(dirujuk)***
D *Warner v. Metropolitan Police Commissioner [1968] 2 All ER 356* ***(dirujuk)***
Zulfakar Mustaffah v. PP [2001] 1 SLR 633 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 51A, 112
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)(a), (2)
E Evidence Act 1950, ss. 7, 9, 11
Penal Code, ss. 354, 377D

Sumber-sumber yang dirujuk:
Phipson on Evidence, edisi ketiga belas, ms 8
Prof Lynn Mclain, *Maryland Evidence*, (1987), 403.3, ms 310

F *Bagi pihak tertuduh - Hj Hisyam Teh Poh Teik; T/n Teh Poh Teik & Co*
Bagi pihak PP - Husmin Hussin TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

G

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh PK:

H **[1]** Tertuduh, Mohd Fazil bin Awaludin, telah dituduh dengan dua kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB 1952) yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan, selepas tertuduh dipanggil membela diri, I mahkamah telah melepas dan membebaskan tertuduh daripada kedua-dua pertuduhan tersebut.

[3] Pendakwa Raya Malaysia tidak berpuas hati dan sekarang membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Pertuduhan

[4] Pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh ialah seperti yang berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 30.9.2005, jam lebih kurang 5.00 petang, di alamat No. 1, Jalan Dedaru 12, Taman Megah Ria, Masai, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu sejumlah 229.64 gram Cannabis dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 30.9.2005, jam lebih kurang 5.00 petang, di alamat No. 1, Jalan Dedaru 12, Taman Megah Ria, Masai, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu sejumlah 3,693.29 gram Cannabis dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes Pihak Pendakwaan

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil enam orang saksi untuk membuktikan kesnya. Mereka ialah:

(i) Sjn. Anwar bin Md Dini (SP1), penyelia stor barang kes, Larkin;

(ii) Kpl. Zakaria bin Bachok (SP2), jurufoto;

(iii) C/Insp. Arsad bin Kamaruddin (SP3), ketua anggota serbuan;

(iv) Encik Muhammad Yazid bin Ibrahim (SP4), ahli kimia;

(v) ASP Chew Chee Lee (SP5), pegawai penyiasat; dan

(vi) D/Kpl. Rajuddin bin Mohammed (SP6), anggota serbuan.

[6] Hanya dua orang saksi sahaja iaitu SP3 dan SP6 yang boleh memberi gambaran tentang apa yang berlaku di tempat kejadian. Oleh itu ringkasan kes pihak pendakwaan yang dinyatakan di bawah ini adalah berdasarkan kepada keterangan mereka:

A 6.1 Pada 31 September 2005, SP3 telah menerima maklumat melalui telefon memaklumkan bahawa satu aktiviti pengedaran dadah akan dilakukan oleh seorang lelaki Melayu dengan menggunakan sebuah motosikal No. Pendaftaran JHJ 199 di rumah No. 1, Jalan Dedaru 12, Taman Megah Ria, Masai, B Johor Bahru ('tempat sasaran'). Pengedaran akan dilakukan pada jam 4-5 petang, hari yang sama.

6.2 SP3 telah mengumpulkan anggota-anggotanya untuk diberi taklimat operasi. SP3 membahagikan anggota-anggotanya C kepada tiga kumpulan. Tugas kumpulan yang diketuai oleh SP3 ialah untuk membuat tangkapan.

6.3 Mereka bertolak ke tempat sasaran dengan tiga buah kenderaan dan sampai di sana pada jam lebih kurang 4.30 petang. SP3 mengarahkan anggota-anggotanya mengambil D tempat masing-masing. Kumpulan I mengambil tempat di Jalan Utama, lebih kurang 10 meter dari rumah berkenaan, manakala Kumpulan II berada lebih kurang 12 meter dari Jalan Dedaru 12. Kumpulan III pula berada berhadapan dengan Kumpulan I (lihat rajah kasar di eks. P10). Secara E lebih khusus, dan dengan merujuk kepada eks. P10, Kumpulan I berada di Jalan Jelatang 3 ("JJ3" dalam eks. P10), Kumpulan II berada di Jalan Dedaru 12 ("JD12" dalam eks. P10) dan Kumpulan III berada di Jalan Jelatang 3, sebelah bawah. F

6.4 Pada jam lebih kurang 5 petang, SP3 telah dimaklumkan oleh anggota Kumpulan III, iaitu D/Kpl. Koomardeshan, bahawa motosikal berkenaan telah lalu di Jalan Jelatang 3 dan berhenti di hadapan rumah No. 1, Jalan Dedaru 12. SP3 G sendiri pun melihat motosikal itu di Jalan Jelatang 3 sebelum dia diberitahu bahawa motosikal itu berhenti di hadapan rumah berkenaan. Penunggang motosikal itu memakai jaket dan baju hujan berwarna kuning.

H 6.5 Seterusnya, SP3 telah mengarahkan melalui "walkie-talkie" kepada semua anggota supaya bergerak ke arah lelaki tersebut di tempat di mana dia telah memberhentikan motosikalnya. SP3 sendiri juga bergerak ke tempat itu dengan kenderaan. Kenderaan yang dinaikinya diberhentikan di I belakang motosikal tersebut. SP3 keluar dari kenderaan yang dinaikinya dan terus memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis kepada lelaki tersebut. Pada masa yang sama, Kumpulan

II sampai untuk membantu SP3. Lelaki itu (kemudiannya dicamkan sebagai tertuduh) dikatakan tergamam dan terkejut. Tertuduh tidak sempat melarikan diri.

6.6 SP3 menjalankan pemeriksaan ke atas tubuh badan tertuduh dan menjumpai 1 ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja dibalut dengan kertas timah dan "cellotape" lutsinar terselit di bahagian hadapan seluar jeans yang dipakai oleh tertuduh. Ia dilindungi oleh baju jaket dan baju hujan yang dipakai oleh tertuduh (lihat gambar di eks. P8A). Kertas lutsinar dikemuka di mahkamah dan ditandakan sebagai eks. P11, kertas timah sebagai eks. P12, seluar jeans sebagai eks. P13, jaket sebagai eks. P14 dan baju hujan sebagai eks. P15.

6.7 SP3 juga menjumpai serangkai anak kunci motosikal pada poket seluar sebelah kanan bahagian belakang yang dipakai oleh tertuduh (eks. P17A-eks. P17C). Dengan menggunakan salah satu anak kunci yang dirampas itu, SP3 seterusnya membuat pemeriksaan ke atas motosikal No. Pendaftaran JHJ 199 dengan disaksikan tertuduh. SP3 menjumpai di tempat simpan barang di bawah tempat duduk motosikal itu 1 beg kertas bercorak bunga-bunga (lihat gambar di eks. P8B). Di dalamnya terdapat lima ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja yang setiap satunya berbalut kertas timah dan "cellotape" lutsinar (lihat gambar-gambar di eks. P8C dan eks. P8D).

6.8 Selepas ekshibit-ekshibit tersebut ditemui, SP3 telah memberitahu tertuduh tentang kesalahan yang dilakukannya. Tertuduh ditangkap dan dibawa balik ke balai bersama-sama dengan ekshibit dan diserahkan kepada SP5.

6.9 SP6 memberi keterangan yang hampir sama seperti keterangan SP3. Oleh itu, keterangan SP3 telah disokong oleh keterangan SP6. Maklumat lanjut yang diperolehi dari keterangan SP6 ialah bahawa motosikal yang ditunggang oleh tertuduh ialah jenis Yamaha, warna merah, No. Pendaftaran JHJ 199. SP6 seterusnya menyatakan bahawa dia telah diarahkan oleh SP3 untuk menahan motosikal itu yang pada masa tersebut berada di Jalan Dedaru 12. Semasa SP3 menangkap tertuduh, tertuduh berada di atas motosikalnya.

A 6.10 SP5 dalam keterangannya menyatakan bahawa dia menerima tertuduh dan ekshibit-ekshibit yang dirampas daripada SP3 pada jam 1.15 pagi hari yang sama. Beliau membuat penandaan-penandaan terhadap ekshibit yang dirampas.

B 6.11 Pada 6 Oktober 2005, jam 11.40 pagi, SP5 telah menghantar ekshibit-ekshibit dadah tersebut ke Jabatan Kimia Johor Bahru dan menyerahkannya kepada SP4.

6.12 SP4, setelah menjalankan analisis yang diperlukan, mengesahkan bahawa ketulan-ketulan yang dijumpai di selit di
C bahagian hadapan seluar jeans yang dipakai oleh tertuduh ialah cannabis seberat 229.64 gram (hal yang menjadi perkara pertuduhan pertama) dan ketulan-ketulan yang dijumpai di bawah kerusi tempat duduk motosikal ialah kanabis seberat
D 3,693.29 gram (hal yang menjadi perkara pertuduhan kedua).

[7] Keterangan SP3 telah dicabar oleh peguambela terpelajar dalam aspek-aspek berikut:

7.1 bahawa tertuduh tidak ditangkap di tempat bertanda "X"
E atas gambar di eks. P9B tetapi ditangkap di hadapan pagar yang lain rumah berkenaan;

7.2 bahawa tertuduh memberhentikan motosikalnya di tepi pintu pagar rumah di Jalan Jelatang 3;

F 7.3 bahawa seluar jeans (eks. P13) bukanlah seluar jeans yang dipakai oleh tertuduh pada hari kejadian;

7.4 bahawa berdasarkan saiz ketulan dadah (eks. P11 dan eks. P12), ia tidak boleh diselitkan di bahagian hadapan
G seluar yang dipakai oleh tertuduh;

7.5 bahawa eks. P11 dan eks. P12 dijumpai di tepi tembok pintu pagar rumah di Jalan Jelatang 3;

7.6 bahawa serangkai anak kunci (eks. P17A, eks. P17B dan eks.
H P17C) sebenarnya dirampas di tempat suis motosikal dan bukannya dari poket seluar hadapan yang dipakai oleh tertuduh; dan

7.7 bahawa semasa ditangkap, tertuduh berkata: "Barang ini
I bukan saya punya".

[8] Cadangan peguambela terpelajar di atas telah dinafikan oleh SP3. Walau bagaimanapun, SP3 mengakui perkara-perkara yang berikut:

8.1 bahawa SP3 bersetuju seluar jeans (eks. P13) tidak dirampas oleh beliau tetapi dirampas oleh I.O;

8.2 bahawa SP3 tidak mengukur ketebalan ketulan-ketulan dadah yang dikatakan dijumpai diselit di bahagian hadapan seluar yang dipakai oleh tertuduh bagi menentukan sama ada ia boleh diselit di situ;

8.3 bahawa SP3 tidak tahu dari manakah motosikal yang ditunggang oleh tertuduh itu datang; dan

8.4 bahawa SP3 tidak tahu berapa lamakah tertuduh telah menggunakan motosikal itu sebelum hari kejadian.

[9] SP5 pula semasa disoalbalas telah mengakui perkara-perkara yang berikut:

9.1 bahawa motosikal yang ditunggang oleh tertuduh pada hari kejadian bukanlah kepunyaan beliau tetapi didaftarkan atas nama Norabidin bin Mohd Noor (K/P: 790418-01-5307) yang beralamat di No. 5, Jalan Duku I, Kota Masai, Johor; dan

9.2 seluar jeans (eks. P13) telah dirampas oleh beliau dan bukan oleh SP3, iaitu setelah SP3 menyerahkan tertuduh kepada beliau.

Keputusan Mahkamah Di Akhir Kes Pendakwaan

[10] Ujian yang dipakai bagi menentukan sama ada pihak pendakwan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* atau tidak ialah seperti yang dinyatakan oleh Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. Public Prosecutor* [2003] 1 CLJ 734 apabila beliau berkata:

> ... It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

(Lihat juga kes *Balachandran v. Public Prosecutor* [2005] 1 CLJ 85 FC (per Augustine Paul HMR)).

[11] Selepas membuat penilaian maksimum terhadap keterangan pihak pendakwaan, mahkamah berpuas hati bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan terhadap kedua-dua pertuduhan. Mahkamah membuat penemuan positif bahawa OKT mempunyai milikan sebenar terhadap dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan. Alasan-alasan bagi penemuan tersebut ialah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

11.1 Pada peringkat ini, mahkamah menerima keterangan SP3 dan SP6 bahawa ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama dijumpai oleh SP3 terselit di bahagian hadapan seluar jeans (eks. P13) yang dipakai oleh tertuduh. Walaupun peguambela terpelajar telah mencadangkan kepada SP3 bahawa berdasarkan saiz ketulan-ketulan dadah tersebut, ia tidak mungkin dapat diselitkan di situ dan ekshibit dadah itu sebenarnya dijumpai di tepi tembok pagar rumah di Jalan Jelatang 3, namun pada peringkat ini cadangan-cadangan tersebut tidak boleh menggantikan keterangan. Seperti yang dinyatakan oleh Augustine Paul H (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *PP v. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215:

> A suggestion in cross-examination can only be indicative of the case put forward or the stand taken by the party on whose behalf the cross-examination is being conducted; but to no extent whatsoever can it be "substituted for evidence, if it is clearly repudiated by the witness to whom it is made.

11.2 Dalam keadaan ekshibit dadah terselit di bahagian hadapan seluar yang dipakainya, adalah tidak syak lagi tertuduh sememangnya mempunyai milikan dalam pengertian undang-undang jenayah seperti yang diputuskan oleh kes *Chan Peon Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17:

> A movable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.

> It must be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some *animus possidendi.*
>
> ... it must be clear that the circumstances in which it is found shew such an intention ... But there must be something in the evidence to satisfy the court that the person who is physically in a position to deal with the thing as his own had the intention of doing so ...

11.3 Tertuduh telah di "caught red-handed", dengan ekshibit dadah yang dijumpai pada badannya semasa dia ditahan oleh SP3 dan anggota-anggotanya. (lihat kes *PP lwn. Mardani Hussin* [2005] 7 CLJ 495).

11.4 Kedudukan ekshibit dadah sedemikian juga boleh dibuat inferen bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan yang diperlukan kerana tertuduh mempunyai hubungan fizikal dengan ekshibit dadah itu dan adalah tidak munasabah ia diselitkan di situ tanpa pengetahuannya. (lihat kes-kes *Parlan bin Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717, *Ramis Muniandy v. PP* [2001] 3 SLR 534, *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356 dan *PP v. Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 337).

Pertuduhan Kedua

11.5 Pada masa kejadian, tertuduh telah dilihat oleh SP3 dan SP6 menunggang motosikal seorang diri memasuki ke tempat sasaran. Apabila pemeriksaan dibuat oleh SP3 terhadap tempat simpan barang di bawah tempat duduk motosikal, SP3 menjumpai satu beg bercorak bunga-bunga mengandungi lima ketulan yang kemudiannya disahkan sebagai cannabis. Pada peringkat ini, mahkamah menerima keterangan bahawa kunci yang digunakan untuk membuka tempat simpan barang di bawah tempat duduk tersebut adalah dirampas dari poket seluar kanan yang dipakai oleh tertuduh. Dalam keadaan sedemikian, tertuduh mempunyai milikan fizikal dan pengetahuan yang diperlukan (lihat kes *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337). Fakta bahawa kandungan beg tersebut adalah terlindung dari pandangan mata kasar tidak wajar diberi keberatan yang berlebihan dalam menentukan isu pengetahuan. Keseluruhan keadaan kes perlu dilihat dan dipertimbangkan. (Lihat kes *Zulfakar bin Mustaffah v. PP* [2001] 1 SLR 633).

A 11.6 Bagi kedua-dua pertuduhan, tidak dapat dipertikaikan bahawa tertuduh dijumpai membawa dadah berbahaya bersamanya. Persoalan yang berbangkit ialah kenapakah beliau berbuat demikian. Dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP* [1980] 1 LNS 181, Lord Diplock memberi pandangan tentang tujuan
B perbuatan mengangkut dadah berbahaya dalam kuantiti yang besar. Beliau berkata:

> Proof of the purpose for which an act is done, where such purpose is a necessary ingredient of the offence
C with which an accused is charged, presents a problem with which criminal courts are very familiar. Generally, in the absence of an express admission by the accused, the purpose with which he did an act is a matter of inference from what he did. Thus, in the case of an accused red caught in the act of conveying from one
D place to another controlled drugs in a quantity much larger than is likely to be needed for his own consumption the inference that he was transporting them for the purpose of trafficking in them would, in the absence of any plausible explanation by him, be
E irresistible – even if there were no statutory presumption such as is contained in section 15 of the Drugs Act.

11.7 Sebagai satu perkara logik akal ("common sense"), lebih besar kuantiti dadah dibawa seperti yang terdapat dalam kes ini, lebih kuat inferen yang boleh dibuat bahawa dadah itu
F tidak untuk tujuan kegunaan sendiri tetapi untuk tujuan pengedaran.

[12] Peguambela terpelajar tertuduh dalam hujahnya juga telah membangkitkan isu berhubung dengan kegagalan pihak pendakwaan
G untuk mematuhi s. 51A Kanun Prosedur Jenayah ("KPJ"). Adalah tidak dipertikaikan dalam kes ini bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk mematuhi s. 51A KPJ. Peguambela terpelajar membawa hujah bahawa kegagalan tersebut telah menyebabkan ketidakadilan ("miscarriage of justice") di mana hak tertuduh untuk
H mendapatkan perbicaraan adil telah dikompromikan. Mahkamah telah memberi pertimbangan terhadap isu ini dan berpendapat bahawa hujah tersebut tidak bermerit. Suatu penghakiman berasingan mengenai isu ini telah disediakan (lihat lampiran "A". Lihat juga *PP v. Mohd Fazil Awaludin* [2009] 2 CLJ 862).

I **[13]** Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah telah memanggil tertuduh untuk membela diri atas kedua-dua pertuduhan asal. Tertuduh memilih untuk memberi keterangan atas sumpah.

Kes Pembelaan

[14] Kes pembelaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

14.1 Pada 30 September 2005, tertuduh bekerja di bengkelnya di Lot 2001, Plentong Tengah, Johor Bahru. Tertuduh berada di bengkel tersebut bersama-sama dengan Norabidin dan Azmi.

14.2 Tertuduh menyatakan bahawa pada jam lebih kurang 4 petang, Norabidin menerima panggilan telefon daripada seorang yang bernama Harun yang meminta Norabidin untuk membaiki paip yang rosak di rumahnya. Memandangkan Norabidin sedang sibuk, beliau meminta tertuduh untuk pergi ke rumah tersebut. Norabidin memberikan alamat rumah itu kepada tertuduh, iaitu No. 1, Jalan Dedaru 12, Taman Megah Ria, Masai, Johor Bahru ("rumah tersebut").

14.3 Tertuduh kemudiannya pergi ke rumah tersebut dengan menaiki motosikal Norabidin No. Pendaftaran JHJ 199 secara tergesa-gesa. Apabila sampai di rumah tersebut, tertuduh memberhentikan motosikalnya di tempat bertanda "X" atas eks. P9B dan memanggil nama Harun. Tertuduh menyatakan pada masa yang sama, beliau telah ditangkap oleh tiga orang Melayu, salah seorang daripadanya ialah SP3.

14.4 Tertuduh mempertikaikan versi SP3 bahawa satu ketul kanabis seperti yang ditunjukkan dalam gambar eks. P8A dijumpai terselit di bahagian hadapan seluar jeans yang dipakainya (eks. P13). Tertuduh menegaskan bahawa ekshibit dadah itu sebenarnya dijumpai di penjuru rumah tersebut apabila pemeriksaan dibuat oleh pihak polis. Seterusnya tertuduh menegaskan bahawa kemudiannya SP3 telah merampas anak kunci dari tempat suis motosikal dan selepas itu memeriksa motosikal itu. Tertuduh mengakui bahawa satu beg dan lima ketulan kanabis ada dijumpai oleh SP3 di bawah tempat duduk motosikal (lihat gambar di eks. P8D). Tertuduh menyatakan yang beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenai ekshibit dadah ini.

14.5 Tertuduh menafikan bahawa seluar jeans (eks. P13) adalah kepunyaannya. Tertuduh menengaskan yang beliau tidak memakai seluar itu pada hari kejadian. Sebenarnya, seluar jeans yang dipakainya pada hari kejadian telah dipotong sebelum dia dimasukkan ke dalam 'lock up' selepas ditangkap.

[15] Semasa tertuduh memberi keterangannya dan masih lagi atas sumpah, peguambela terpelajar telah membuat permohonan kepada mahkamah supaya tertuduh membuat satu demonstrasi dengan diacu-pakai seluar jeans (eks. P13) yang dikatakan oleh SP3 telah dipakai oleh tertuduh pada hari kejadian. Timbalan pendakwa raya terpelajar tidak membantah. Mahkamah telah meminta pihak-pihak beredar ke kamar Mahkamah Tinggi 3 untuk tujuan tersebut. Berhubung dengan demonstrasi acu-pakai eks. P13 ini, rekod mahkamah adalah seperti berikut:

Jam: 11.10 pagi

Tempat: Dalam Kamar Mahkamah Tinggi 3

Kehadiran:

TPR:	Encik Husmin bin Hussin
PB:	Tuan Hj. Hisyam Teh Poh Teik
Jurubahasa:	Puan Ambi Villasini.
Polis:	Jamnan bin Darus
OKT:	Mohd Fazil bin Awaluddin

(OKT diingatkan bahawa dia masih di atas sumpah).

Tujuan: OKT akan cuba memakai seluar jeans yang dirampas oleh pihak polis (Eks. P13).

Catatan: OKT boleh memakai Eks. P13 tetapi zip seluar itu tidak boleh dizipkan dan saiz pinggangnya tidak muat. Eks. P13 adalah ketat di pinggang dan tidak boleh dibutangkan. Eks. P13 agak labuh kakinya pada OKT.

Nota: Catatan ini telah dibaca kepada TPR dan peguambela yang hadir dan mereka bersetuju dengan catatan tersebut.

(Tandatangan Pesuruhjaya Kehakiman).

[16] Menerangkan lebih lanjut mengenai eks. P13, tertuduh menyatakan bahawa pada masa beliau dibawa masuk ke Balai Polis Sentral, J.B, pihak penjaga 'lock-up' menyatakan bahawa seseorang yang akan dimasukkan ke dalam 'lock-up" mesti memakai seluar pendek. Oleh itu, pihak penjaga 'lock-up' telah memotong seluar jeans yang dipakainya (eks. P13). Dalam masa yang sama, SP5 telah meminta eks. P13 yang telah dipotong itu. Oleh itu, tertuduh telah memberikannya kepada SP5. Apabila tertuduh ditunjukkan gambar eks. P8A, tertuduh menafikan bahawa ketulan ganja seperti yang ditunjukkan dalam gambar itu telah diselitkan olehnya di bahagian hadapan seluar jeans yang dipakainya. Mengikut tertuduh, ketulan tersebut tidak boleh diselitkan di situ dan dijumpai di tempat lain.

[17] Bagi membuktikan perkara ini, peguambela terpelajar telah membuat permohonan kepada mahkamah untuk mengemukakan satu replika kotak berukuran 21cm panjang, 15cm lebar dan 4cm tinggi. Kotak ini direka-bentuk berdasarkan kepada ukuran ketulan dadah yang dinyatakan oleh SP4 (ahli kimia) apabila dia memeriksa ketulan tersebut. Mahkamah telah meminta jurubahasa mahkamah membuat ukuran terhadap replika kotak bagi menentukan ketepatan ukurannya. Jurubahasa telah mengesahkan bahawa ukuran tersebut adalah seperti dinyatakan. Timbalan pendakwa raya terpelajar tidak membantah supaya replika kotak tersebut dikemukakan sebagai ekshibit. Mahkamah membenarkan replika kotak tersebut dikemukakan sebagai ekshibit dan ditandakan sebagai eks. D43.

[18] Peguambela terpelajar memohon agar OKT membuat demonstrasi dengan menyelitkan eks. D43 ketika OKT memakai seluar jeans bersaiz 32 inci yang biasa dipakai oleh OKT. Apabila eks. D43 cuba diselitkan di bahagian hadapan seluar seperti yang diterangkan oleh SP3 dalam keterangannya, adalah didapati eks. D43 tidak muat untuk diselitkan di bahagian hadapan seluar jeans itu. Tertuduh menyatakan bahawa eks. D43 tidak muat untuk diselitkan kerana saiz biasa seluar yang dipakainya ialah 31 inci atau 32 inci. Tertuduh sekali lagi menegaskan bahawa sebenarnya ekshibit dadah seperti yang ditunjukkan dalam gambar di eks. P8A itu telah dijumpai oleh pihak polis di penjuru hujung rumah No. 1, Jalan Dedaru 12 dan bukan diselitkan di bahagian hadapan seluar yang dipakainya.

[19] Tertuduh sekali lagi menegaskan bahawa sebenarnya SP3 telah mengambil kunci dari bahagian tempat suis motosikal dan dengannya beliau membuka tempat duduk kerusi motosikal. Oleh itu, keterangan SP3 bahawa kunci itu dijumpai di dalam poket seluarnya adalah tidak benar sama sekali. SP3 kemudiannya telah mengeluarkan 1 beg berbunga-bunga dan menunjukkan kepada tertuduh. SP3 bertanya kepada tertuduh:

> "Ini barang siapa punya?". Tertuduh menjawab: "Saya tidak tahu".

[20] Menurut tertuduh lagi, apabila beliau menunggang motosikal untuk pergi ke alamat rumah tersebut, dia tidak mengetahui terdapat beg berkenaan di bawah tempat duduk motosikal itu. Tertuduh juga tidak membuka tempat duduk tersebut.

[21] Selepas ditangkap, tertuduh dibawa ke Depoh IPK. Dia dipukul oleh SP3 sebanyak 2-3 kali. Semasa tangkapan dibuat, tertuduh juga dipukul. Selepas itu, tertuduh dibawa ke rumahnya di Gelang Patah, Johor Bahru, untuk dibuat pemeriksaan. Selepas pengeledahan dibuat, tiada apa-apa barang salah dijumpai.

[22] Semasa disoalbalas, tertuduh bersetuju bahawa pada hari kejadian terdapat hujan renyai-renyai. Oleh itu, dia memakai jaket, baju hujan dan helmet. Tertuduh juga bersetuju bahawa pada hari berkenaan dia ada memakai seluar jeans tetapi bukan eks. P13. Tertuduh tidak bersetuju bahawa memandangkan hari tersebut hujan renyai-renyai, dia perlu membuka ruang di bawah tempat duduk motosikal itu untuk mengambil helmet yang disimpan di situ. Tertuduh tidak tahu bahawa tempat tersebut ialah tempat simpan helmet (lihat gambar di eks. P8M).

[23] Apabila dikemukakan soalan mengapakah peralatan untuk membaiki paip tidak dijumpai padanya pada hari kejadian, jika benar dia ke rumah tersebut untuk membaiki paip rosak, tertuduh mengatakan dia ke situ untuk melihat paip pecah terlebih dahulu.

[24] Tertuduh menyatakan bahawa semasa dia dimasukkan ke Penjara Kluang pada 7 Oktober 2005 beratnya ialah 54 kilogram. Tertuduh tidak bersetuju dengan cadangan timbalan pendakwa raya bahawa disebabkan berat badannya bertambah, eks. P13 tidak lagi muat untuk dipakainya.

Isu-Isu Undang-Undang Yang Perlu Diputuskan Semasa Kes Pembelaan

[25] Berdasarkan naratif di atas, beberapa isu undang-undang perlu diputuskan sebelum kes pembelaan dibuat penilaian oleh mahkamah. Isu-isu tersebut ialah:

(a) sama ada demonstrasi acu-pakai eks. P13 oleh tertuduh adalah teratur di sisi undang-undang; dan

(b) sama ada mereka-bentuk semula sebuah replika kotak berdasarkan ukuran ketulan dadah yang diberikan ahli kimia boleh dikemukakan sebagai ekshibit oleh pihak pembelaan.

[26] Dalam penyelidikan sepintas lalu yang dibuat oleh mahkamah, adalah didapati tidak banyak kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia berhubung dengan keterangan demonstratif ("demonstrative evidence"). Kes utama ialah *PP lwn. Rungit Singh Jaswant Singh* [1999] 3 CLJ 301. Fakta ringkas kes

ini ialah OKT menghadapi tiga pertuduhan termasuklah dua pertuduhan alternatif iaitu menggunakan kekerasan jenayah terhadap EY yang merupakan saksi pertama pihak pendakwaan dengan tujuan hendak menjatuhkan maruah EY, melakukan perbuatan lucah yang melampau dan melakukan perbuatan yang melampau, yang mana kesemuanya boleh dihukum di bawah ss. 354 dan s. 377D Kanun Keseksaan. Semasa perbicaraan, kedua-dua peguambela dan timbalan pendakwa raya telah memohon kepada mahkamah untuk dibenarkan menjalankan satu demonstrasi bagi menunjukkan kedudukan OKT yang dikatakan telah melutut di bahagian lantai hadapan kerusi di dalam kereta. Permohonan ini telah dibenarkan oleh mahkamah. OKT telah diminta untuk duduk di dalam keadaan itu dan setelah beberapa kali dilakukan olehnya, OKT tidak berjaya untuk berbuat demikian. OKT ialah seorang yang berbadan tinggi lampai (6' 2"). Timbalan pendakwa raya meminta agar satu demonstrasi lain dijalankan untuk menunjukkan bahawa seorang yang sama tinggi dengan OKT boleh duduk melutut di lantai di hadapan kerusi penumpang hadapan kereta. Permohonan ini juga dibenarkan. Demonstrasi telah dilakukan oleh seorang lelaki Melayu yang ketinggiannya adalah sama dengan ketinggian OKT. Lelaki Melayu itu telah berjaya berbuat demikian di mana dia berjaya meletakkan kepalanya antara kedua-dua peha pemandu. Selepas itu, atas permohonan peguam, OKT sekali lagi telah mencuba duduk dalam keadaan yang sama akan tetapi telah gagal berbuat sedemikian. Apa yang menarik dalam kes ini ialah hakim bicara sendiri telah membuat percubaan ("eksperimen") sama ada hal ini boleh dilakukan. Daripada eksperimen hakim bicara, dia membuat kesimpulan bahawa adalah mustahil bagi zip seluar seseorang dibuka dan seluarnya dilondehkan tanpa kerelaan dan kerjasamanya. Oleh itu, hakim bicara telah menolak cerita mengikut versi SP1 tentang kejadian yang dikatakan telah berlaku di dalam kereta pada 30 Disember 2007. Keterangan demonstratif ini telah diulas oleh Mohd Ghazali Yusoff HMR dalam kes *PP v. Hanif Basree Abdul Rahman* [2007] 2 CLJ 33 dalam konteks permohonan timbalan pendakwa raya untuk memohon hakim bicara menulis penghakiman tambahan tentang eksperimen yang beliau lakukan yang telah dinyatakan dalam penghakiman mahkamah (lihat perenggan [79] hingga [86]).

[27] Satu lagi kes yang sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan keterangan demonstratif ialah *Dol Lasim v. PP & Another Case* [1986] 2 CLJ 197; [1986] CLJ (Rep) 112. Dalam kes ini, isu yang berbangkit ialah:

A In this appeal against acquittal from the decision of the Subordinate Court to the High Court can the High Court call for a demonstration by a chemist and if so whether the High Court can disregard the result and/or effect of the demonstration in its judgment.

B Mahkamah Agong memutuskan:

Held: (1) the learned Judge in this case had considered the result and effect of the demonstration but there was no evidence that the chemist in this case was sworn or affirmed nor was there C evidence to show whether the parties were given the opportunity to examine the chemist.

[28] Dalam kes di atas, "demonstration by a chemist" dibuat di peringkat mahkamah rayuan, barangkali berdasarkan s. 425 KPJ, tetapi ahli kimia tidak mengambil sumpah dan ikrar. Pihak-pihak D juga telah tidak diberi peluang untuk memeriksa ahli kimia tersebut. Oleh itu, keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang melepas dan membebaskan tertuduh yang dipengaruhi oleh keterangan tambahan, iaitu "demonstration by the chemist", telah diketepikan dan perintah Mahkamah Sesyen dikekalkan.

E

[29] Mahkamah menyedari bahawa kes ini dibicarakan mengikut undang-undang Malaysia dan dengan demikian rujukan kepada keputusan mahkamah-mahkamah di bidang kuasa lain hendaklah dibuat secara berhati-hati kerana peruntukan undang-undang yang F terpakai adalah berbeza. Namun begitu, memandangkan tidak terdapat banyak keputusan kes-kes mahkamah di Malaysia yang membincangkan tentang keterangan demonstratif ini, adalah difikirkan suai-manfaat sekiranya keputusan kes-kes mahkamah di bidang kuasa lain dirujuk sekadar untuk dijadikan panduan. Kita G bermula dengan kedudukan di England. *Phipson on Evidence*, edisi ketiga belas, menyatakan di ms. 8:

A view at which witnesses given demonstrations or answer questions is part of the trial and the evidence in the case. It must therefore be held in the presence of the judges as well as the jury, H and in the absence of the judge will vitiate the trial.

[30] Bagi menyokong proposisi undang-undang di atas, rujukan dibuat kepada, antara lain, kes *Keramat v. R* [1956] AC 256 (PC). Fakta dan keputusan kes ini ialah seperti yang terdapat dalam nota I kepala ("headnote") kes itu seperti berikut:

During the course of the trial of the appellant on a charge of murder, and before the case for the prosecution was finally closed, the judge, pursuant to the powers conferred by section 44 of the Criminal Law (Procedure) Ordinance of British Guiana, which also provided that the practice and procedure in criminal trials, including that relating to juries, should conform as nearly as possible to that which obtained in England, directed a view of the locality. At the view witnesses who had already given evidence at the trial were present, and any juror who wanted to ask a question put it through the judge, who was present the whole time and throughout had control of the proceedings, and the witness gave a demonstration as the answer, counsel being then invited by the judge to ask questions through him, but no cross-examination was allowed. The appellant had stated that he did not wish to attend the view, and he did not. On appeal by him against his conviction on the ground, *inter alia*, that the "view" was not one authorized by the Ordinance when witnesses attended and indicated places by pointing or by words:

Held, dismissing the appeal, that witnesses who had already given evidence could attend at the view; they took part in it in the sense of placing themselves in the positions in which they said they had been at the material times or indicating the positions of others, and that was unobjectionable - there was nothing to show that any more than that took place. If a view were ordered at some stage of a criminal trial in England, it would be no objection to a witness attending and taking part that he had already given evidence.

A view was part of the evidence; it was in substitution for or supplemental to plans, photographs and the like. It was eminently desirable that the judge should be present. So long as the witnesses taking part were recalled to be cross-examined, if desired, the accused person was not in any way prejudiced, but it was essential that every effort should be made to see that witnesses made no communication to the jury except to give a demonstration.

[31] Di Amerika Syarikat, terdapat banyak kes yang memutuskan bahawa keterangan demonstratif ("demonstrative evidence") adalah dibenarkan dan diterima sebagai keterangan. Demonstrasi didefinasikan sebagai "an illustration or explanation, as of a theory on product, by exemplification or practical application" (lihat *State v. Hunt*, 80 NC App 190, 193, 34 S.E. 2nd 350, 353 (1986). Dalam kes ini, mahkamah memutuskan:

A admissibility of demonstrative or experimental evidence depends as much, as for any other piece of evidence, upon whether its probative value is out weighed by the potential undue prejudicial effect it may have on defendant's case ... In the case of a court room demonstration, the demonstrator may not need to be
B qualified as an expert but a proper foundation still must be laid as the person's familiarity with the thing he or she is demonstrating.

[32] Antara contoh-contoh kes mengenai keterangan demonstratif di Amerika Syarikat, sekadar untuk dijadikan panduan, ialah seperti
C berikut:

(i) *State of North Carolina v. Jushua Dwayne Fowler*, No. C0A02-730:

D A demonstration by a detective as to how an apron string used to strangle a murder victim was wrapped and tied around the victim's neck was admissible where the demonstration was relevant to premeditation and deliberation and the State provided a proper foundation in that the detective testified to his familiarity with the autopsy-photos
E and apron sting used for strangling.

(ii) *State v. Murillo*, 349 NC 573, 509 SE 2nd 752 (1998):

where defendant testified that weapon discharged accidentally, victim's sister properly allowed to demonstrate
F physical impossibility of wounds being inflicted as depicted in authopsy-photographs unless weapon was fired intentionally.

(iii) *State v. Arnold*, 98 NC App. 518, 392 SE 2nd 140 [1990]:

G where the state introduced xerox copies of love letter purportedly written by defendant, trial court erred by not allowing defendant to rebut this evidence with demonstration of how such a letter might be created by cutting and pasting pieces of several letters and then xeroxing the
H resulting document.

[33] Pada pandangan mahkamah, budibicara untuk membenarkan permohonan bagi membuat demonstrasi adalah terletak sepenuhnya kepada mahkamah bicara. Dalam menimbangkan permohonan tersebut, adalah difikirkan bahawa antara syarat-syarat yang perlu
I dipenuhi ialah seperti berikut:

(a) kerelevanan ("relevancy");

(b) "materiality"; dan

(c) kekompetenan ("competency").

[34] Berhubung (a), s. 11 Akta keterangan memperuntukkan:

> 11. Facts not otherwise relevant are relevant:
>
> (a) if they are inconsistent with any fact in issue or relevant fact;
>
> (b) if by themselves or in connection with other facts they make the existence or non-existance of any fact in issue or relevant facts highly probable or improbable.

Seksyen 7 Akta Keterangan 1950 pula memperuntukkan:

> 7. Facts which are the occassion, cause or effect, immediate or otherwise, of relevant facts or facts in issue, or which constitute the state of things under which they happened or which afforded an opportunity for their occurrence or transaction, are relevant.

Seterusnya s. 9 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan:

> 9. Facts necessary to explain or introduce a fact in issue or relevant fact, or which support or rebut an inference suggested by a fact in issue or relevant fact, or which establish the identity of anything or person whose identity is relevant, or fix the time or place at which any fact in issue or relevant fact happened or which show the relation of parties by whom such fact was transacted, are relevant in so far as they are necessary for that purpose.

[35] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa apa-apa fakta yang relevan hendaklah diterima-masuk sebagai keterangan oleh mahkamah. Privy Council dalam kes *Karuma v. The Queen* [1955] 2 MLR 223, 226-227 menyatakan:

> The test to be applied in considering whether evidence is admissible is whether it is relevant to the matters in issue. If it is, it is admissible and the court is not concerned with how the evidence was obtained. ... There can be no difference in principle for this purpose between a civil and a criminal case. No doubt in a criminal case the judge always has discretion to disallow evidence if the strict rules of admissibility would operate unfairly against an accused. This was emphasised in the case before this Board of *Noor Mohamed v. The King* [1949] AC 694. If, for instance, some admission of some piece of evidence, eg a document, had been obtained from the defendant by a trick, no doubt the judge might properly rule it out.

[36] Dengan perkataan lain, dalam konteks keterangan demonstratif, kerelevanan bermakna keterangan tersebut hendaklah berkaitan dengan isu yang sedang dibicarakan seperti persoalan undang-undang, persoalan kebersalahan ("guilty") atau ketidakbersalahan ("innocent") seseorang tertuduh berdasarkan fakta yang dikemukakan.

[37] "Materiality" bermakna bahawa keterangan demonstratif yang dikemukakan itu adalah bertujuan secara langsung untuk membuat ilustrasi, memudahkan mahkamah memahami keterangan atau fakta yang dibicarakan dan ia tidak bertujuan untuk mendorong mahkamah membuat inferen yang tidak terkawal ("produces no wayward inferences").

[38] Kekompetenan pula bermakna ia hendaklah dilakukan oleh orang yang berkelayakan. Misalnya, jika suatu "plaster casts or molds, scale models, maps, charts, diagrams and drawings, photographs, computer reconstruction or animation or scientific tests or experiments" dikemukakan sebagai keterangan demonstratif, keperluan asas ("foundational requirements") yang perlu dibuktikan, selain daripada kepakaran orang berkenaan, ialah ketepatan ("authentication" dan/atau "representational accuracy"). Keterangan demonstratif hendaklah menunjukkan dengan tepat apa yang hendak ditunjuk di mana tiada perubahan, penukaran, pindaan atau penambahan dibuat kepada apa yang terdapat pada asalnya. Barangkali kekompetenan juga bermakna bahawa demonstrasi yang hendak dibuat itu adalah sesuatu "that fits with the decor and decorum of the court, ethical, and does not taint the court or subvert the justice process." Oleh itu, demonstrasi tentang bagaimana hubungan seks antara tertuduh dan mangsa dalam kes rogol, misalnya, tidak wajar dibenarkan oleh mahkamah. Hal sebegini hendaklah "leave to our imagination."

[39] Berhubung dengan "foundational requirements", Prof. Lynn Mclain dalam bukunya, *Maryland Evidence*, 403.3, di ms 310 (1987) berkata:

> A foundation simply must be laid through the witness' testimony that the evidence fairly and accurately depicts what it purports to depict (a subject as to which the witness has the required knowledge) and that it will be helpful to the witness in explaining his or her testimony. It is then admissible in the trial court's discretion; if the court determines that the evidence will be helpful to the trier of fact, it will allow it.

[40] Kembali kepada kes di hadapan mahkamah. Mahkamah membenarkan tertuduh membuat demonstrasi acu-pakai eks. P13 kerana ia adalah relevan dengan isu yang dibicarakan iaitu sama ada tertuduh memiliki ekshibit dadah berbahaya dengan menyelit di bahagian hadapan seluar jeans yang dipakainya. Ia bagi membolehkan tertuduh menafikan dakwaan saksi-saksi pendakwaan, terutama SP3, bahawa ekshibit dadah itu tidak dijumpai dalam keadaan tersebut. Seluar yang diacu-pakai adalah seluar jeans yang dikatakan dipakai oleh tertuduh pada hari kejadian dan bukan seluar yang lain. Oleh itu, tidak melibatkan apa-apa penukaran atau ubahsuai. Keterangan ini, sebenarnya, "was directly responsive to one of the prosecution's main allegations."

[41] Mahkamah berpuas hati bahawa replika kotak (eks. D43), yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar, adalah "fairly depict the scale, dimensions and contour" ketulan-ketulan dadah yang dikatakan dijumpai diselit di bahagian hadapan seluar yang dipakai oleh tertuduh. Ekshibit D43 tidak menukar, mengubah atau memalsukan bentuk ketul-ketulan dari segi bentuk dan ukurannya. Oleh itu, ia adalah secara tepat mewakili benda yang sebenar. Oleh itu, tidak ada sebab untuk mahkamah menolaknya demi keadilan.

[42] Tambahan pula, adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa tertuduh mempunyai kebebasan untuk menentukan bagaimana ia hendak mengendalikan kes pembelaannya dan mengemukakan apa-apa keterangan, termasuklah melalui demonstrasi, yang boleh menunjukkan bahawa versi yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan adalah tidak munasabah atau kredibiliti mereka wajar dipersoalkan.

[43] Juga, adalah juga menjadi undang-undang yang mantap bahawa beban bukti adalah terletak atas pihak pendakwaan sepanjang perbicaraan untuk membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah berhubung dengan pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh. Untuk dibebaskan, tertuduh hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (lihat *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82 dan *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311).

[44] Selepas meneliti kes pembelaan bersama-sama dengan kes pendakwaan, mahkamah memutuskan bahawa tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Tertuduh telah mengemukakan keterangan terbaik ("best evidence") dengan cara yang berikut:

Pertuduhan Pertama

(a) Demonstrasi yang dibuat oleh tertuduh menunjukkan bahawa seluar jeans (eks. P13) yang didakwa oleh SP3 telah dipakai oleh tertuduh pada hari kejadian adalah tidak muat. Ekshibit P13 tidak boleh dizipkan.

(b) Ekshibit D43 telah dikemukakan oleh pihak pembelaan. Ekshibit D43 ialah sebuah replika kotak yang mempunyai persamaan ukuran dengan ketulan-ketulan kanabis seperti yang ditunjukkan dalam gambar eks. P8A. Ukurannya ialah 21 cm panjang, 15 cm lebar dan 4 cm tinggi. Oleh itu, ia mematuhi syarat "representational accuracy" seperti yang dihuraikan sebelum ini. Ekshibit D43 secara nyata tidak boleh diselitkan semasa tertuduh memakai seluar jeansnya yang biasa bersaiz 32 inci.

(c) Saiz pinggang seluar tertuduh ialah 32 inci. Sekali lagi demonstrasi yang dibuat oleh tertuduh menunjukkan bahawa eks. D43 tidak boleh diselitkan walaupun saiz pinggang seluar yang dipakainya semasa membuat demonstrasi itu ialah 32 inci. Saiz pinggang bagi seluar jeans (eks. P13) pula ialah 28 inci.

(d) Bagi membolehkan eks. D43 diselitkan, perlu kepada tambahan 10 inci, iaitu merupakan panjang, lebar dan ketinggian eks. D43 (4cm + 15cm + 4cm). Oleh itu, ini bermakna bagi membolehkan eks. D43 diselitkan, saiz pinggang seluar perlu ditambah lagi sebanyak 10 inci.

[45] Timbalan pendakwa raya terpelajar berhujah, dan mahkamah berpendapat adalah wajar dan sesuai dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, bahawa eks. P13 tidak muat dipakai oleh tertuduh kerana berat badannya telah bertambah semasa ditahan di penjara. Walau bagaimanapun, tidak ada apa-apa bukti dikemukakan seperti timbangan yang dibuat oleh pihak penjara semasa tertuduh mula ditahan di penjara berbanding dengan beratnya sekarang. Bagi mengemukakan bukti tersebut, timbalan pendakwa raya terpelajar boleh memohon kepada mahkamah di bawah s. 425 KPJ jika beliau berhasrat untuk berbuat demikian. (Lihat kes-kes *PP v. Abdul Hamid* [1968] 1 LNS 98; *R v. Bakar bin Mat* [1951] 1 MLJ 202; *PP v. Phon Nam* [1989] 1 CLJ 7; [1989] 1 CLJ (Rep) 142 dan *Ramli Kechik v. PP* [1986] 1 CLJ 308; [1986] CLJ (Rep) 243). Malangnya, timbalan pendakwa raya tidak "confronted" keterangan tertuduh berhubung dengan berat dan saiz pinggangnya serta eks. P13 yang dikatakan bukan seluar jeans yang dipakainya

semasa kejadian dengan apa-apa keterangan lain selain daripada mengemukakan cadangan semata-mata semasa menyoalbalas tertuduh. Oleh itu, tidak terdapat apa-apa keterangan di hadapan mahkamah bagi dipertimbangkan bersama-sama dengan keterangan tertuduh bagi meragui atau menolak hasil demonstrasi yang dibuat oleh tertuduh dalam aspek ini.

[46] Bagi pertuduhan kedua juga, mahkamah memutuskan bahawa tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa motosikal yang ditunggang oleh tertuduh adalah kepunyaan Norabidin. Norabidin ialah orang sebenar ("real person") dan bukan rekaan. Identitinya telah disahkan oleh SP5 (Pegawai Penyiasat) sendiri. SP5 memberikan nama penuh beliau sebagai Norabidin bin Mohd Noor (KP No. 790418-01-5307) beralamat No. 51 Jalan Duku I, Kota Masai, Johor. SP5 memberi keterangan bahawa Norabidin tidak boleh dikesan.

[47] Dalam sistem perbicaraan jenayah kita, tertuduh tidak boleh dipersalahkan sekiranya Norabidin tidak boleh dikesan oleh pihak pendakwaan. Dalam kes *Pang Chee Peng v. PP* [1992] 1 CLJ 39; [1992] 1 CLJ (Rep) 265, Abdul Hamid Omar KH berkata:

> If some of these claimed witnesses cannot be traced, it was a combination of unhappy circumstances in this case. The accused cannot be penalized of lack of inqenuity in police investigation depriving him of time-honoured benefit of doubt.

[48] Kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan Norabidin untuk memberi keterangan atau sekurang-kurangnya mengemukakan pernyataan beliau di bawah s. 112 KPJ, inferen bahawa kemungkinan dadah tersebut disembunyikan oleh Norabidin di bawah tempat duduk motosikal tanpa pengetahuan tertuduh tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

[49] Kesan yang berbangkit dari kegagalan ini ialah terdapatnya jurang dan/atau lompang dalam kes pihak pendakwaan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah. Dalam kes *PP v. Nordin Awang* [2000] 1 LNS 288, Alauddin Mohd Sheriff H (sebagaimana beliau ketika itu) berkata:

> Adverting to the facts of the case before me, I am confronted with the question whether the prosecution in this case has successfully discharged their burden of proving exclusive custody and control on the part of the accused. It is must be remembered that Mohd Yusoff is not a fictitious character. His role cannot be

A over emphasized in this case, as he was the one who had taken possession of the said van from PW3 and who, it can be inferred, had custody and control over the said van since June 15, 1997.

Further, having closely scrutinized the evidence of PW3, I find that the role played by this character, Mohd Yusoff, becomes even B more suspicious. In the words of PW3, the accused was not present when he signed P64 and there is no evidence whatsoever by the prosecution to show how the name and signature of the accused could have been affixed on P64. Indeed, there is no evidence by the investigating officer (PW10) to confirm whether C or not the said signature on P64 belongs to the accused.

I must say with the greatest of respect to the prosecution that by their failure to call Mohd Yusoff or even offer him to the defence as witness they have failed to show exclusive custody and control on the part of the accused. The absence of Mohd Yusoff in the D prosecution's case has left many questions unanswered.

Further, the prosecution has also failed to explain what happened to the said van in the nine months between the time it was surrendered to Mohd Yusoff by PW3 and the time when the accused was caught driving it. This piece of evidence is most vital E because it will then exclude the possibility that any other person, other than the accused could have access to the van. The importance of this fact is acknowledged by the prosecution. This could be discerned from their desperate but feeble attempt to show that the accused was allegedly in control of the van even F before the date of the alleged offence, through the evidence of PW5, PW6 and PW7. But unfortunately, I find that the evidence of these witnesses are highly circumstantial and they have miserably failed to conclusively point to the accused as having been in control of the said van at the material time.

G Therefore, I must say again with respect that the prosecution has failed to discharge the onus encumbent upon them to exclude the possibility of another person having access to the said van. That other person could have been none other than Mohd Yusoff who could have been responsible for the said impugned drugs. As H mentioned earlier, the onus is not on the defence to prove possibility of access by others but on the prosecution to exclude such possibility.

Learned counsel for the defence also submitted that an adverse inference under s. 114(g) of the Evidence Act 1950 ought to be I invoked against the prosecution for its failure to call the said Mohd Yusoff nor even to offer him to the defence.

[50] Dalam kes ini, keterangan yang ada ialah pengakuan SP3 bahawa beliau tidak tahu berapa lamakah tertuduh telah menggunakan motosikal itu sebelum hari kejadian. Norabidin juga tidak dipanggil memberi keterangan berhubung dengan aspek keterangan ini. Keterangan tertuduh pula ialah dia telah menggunakan motosikal hanya sejurus sebelum kejadian berlaku kerana Norabidin telah memintanya untuk pergi membaiki paip pecah di rumah seorang yang bernama Harun di alamat No. 1, Jalan Dedaru 12, Taman Megah Ria, Masai, Johor Bahru. Keterangan ini tidak dicabar oleh pihak pendakwaan.

[51] Sebelum membuat kesimpulan, barangkali wajar ulasan dibuat kepada frasa "exclusive custody and control on the part of the caused" yang dinyatakan dalam kes *PP v. Nordin Awang (supra)*. Mahkamah menyedari bahawa dalam kes *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209 Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa dalam undang-undang jenayah, adalah tidak sesuai untuk mengatakan milikan sebagai milikan eksklusif. Seseorang sama ada mempunyai milikan atau tidak mempunyai milikan walaupun seseorang boleh mempunyai milikan bersama dengan seorang yang lain atau orang-orang lain. Untuk mengatakan bahawa pendakwaan kes dadah gagal kerana tiada bukti milikan eksklusif, akan memberi gambaran yang salah bahawa sabitan adalah mungkin hanya dalam kes-kes di mana milikan berada secara keseluruhannya dengan satu orang iaitu "eksklusif". Sebaik sahaja elemen-elemen yang diperlukan untuk membentuk milikan dibuktikan, termasuklah elemen kuasa eksklusif untuk berurusan, maka apa yang dibuktikan adalah milikan dan bukan milikan eksklusif.

[52] Apa yang dimaksudkan di dalam kes di hadapan mahkamah ini dengan milikan eksklusif, dengan mengubahsuai perkataan-perkataan yang digunakan oleh Abdul Aziz Mohamad HMP dalam kes *PP v. Denish Madhavan (supra)* di perenggan 21, ialah "the prosecution had failed to exclude the probability of the cannabis being placed under the motorcycle's seat by Norabidin without the accused's knowledge and therefore of his being innocent of possession of the cannabis."

[53] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah. Berikutannya, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya.